

Agihan antara kaum secara adil

Berasaskan pada prinsip pertumbuhan dan pengagihan, tidak bererti bahawa kita merampas hak mana-mana pihak untuk kita pindahkan kepada pihak lain yang memerlukan peningkatan pendapatan

— Najib Tun Razak

UAM-15/10/2006

Oleh NAZRULLAH ROSLI
dan ARSHAD KHAN

PEKAN 14 Okt. — Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan tidak merampas hak mana-mana kaum atau kelompok masyarakat ketika melaksanakan projek pembangunan untuk menjana pendapatan sesuatu kaum lain.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan mencadangkan program-program penambahan pendapatan diperkenalkan di sesuatu kawasan agar pendapatan rakyat meningkat.

Katanya, sebarang kumpulan yang memerlukan peningkatan pendapatan, kerajaan akan memberi perhatian tanpa mengambil mana-mana harta kaum lain.

“Berasaskan pada prinsip pertumbuhan dan pengagihan, tidak bererti bahawa kita merampas hak mana-mana pihak untuk kita pindahkan kepada pihak lain yang memerlukan peningkatan pendapatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis Penyampaian Dividen Rancangan Tanah Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanam Semula Komersial (TSK) Pekebun Kecil Risda Peringkat Kebangsaan dan Parlimen Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Risda, Datuk Mohammad Izat Hassan; 300 ahli RTBB dan 50 ahli TSK termasuk masyarakat Orang Asli Pahang.

Najib berkata, melalui pendekatan yang digunakan, kerajaan berusaha mencari jalan untuk menentukan pihak mana yang perlu mendapat bantuan apabila berlaku pertumbuhan yang pesat.

Sehubungan itu, katanya, apabila ekonomi negara secara holistik bertambah, pengagihan akan berlaku dan mereka akan mendapat sebahagian pendapatan yang lebih besar dari segi keseluruhan pertumbuhan itu.

Mengenai tahap keyakinan rakyat terhadap pengagihan dan pembangunan di sesuatu kawasan, Najib memberitahu:

“Itulah yang saya maksudkan, ia tidak menekan, jauh sekali merampas hak mana-mana kaum atau kelompok masyarakat.

“Setiap pembangunan dan pengagihan pendapatan tetap akan dilaksanakan dengan prinsip yang adil dan saksama kepada semua kaum di negara ini.”

Ditanya tentang pengagihan pendapatan dan pembangunan bandar dan di

luar bandar yang ada kalanya dipersoalkan oleh sesetengah pihak, beliau berkata, ia bukan perkara baru.

Malah, katanya, kerajaan telah melaksanakan sistem pengagihan pendapatan dan pembangunan kepada rakyat sejak lebih 30 tahun lalu.

“Jika mereka faham perkara ini, ia bukan perkara baru, dan pada kali ini, kita jelaskan lagi maksud kita dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

“Saya rasa tidak timbul masalah melainkan ada pihak cuba ingin timbulkan kekeliruan kepada rakyat,” katanya.

Menurut Najib, kerajaan berharap program pembangunan jangka panjang yang dilaksanakan itu boleh mencapai matlamat menjelang 2020.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, kerajaan menggariskan tiga matlamat untuk membangunkan masyarakat luar bandar dalam Misi Nasional RMK-9.

Beliau berkata, tiga matlamat itu ialah mengajukan konsep pembangunan dan pengagihan, merapatkan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar serta menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010.

Menurutnya, kerajaan akan melaksanakan ketiga-tiga matlamat itu tanpa menimbulkan perasaan tidak adil kepada mana-mana pihak.

Beliau menambah, kerajaan melalui Risda berusaha memajukan tanah yang tidak ekonomi, kurang hasil, kawasan terbiar atau

tidak diusahakan dengan baik dengan penanaman getah dan kelapa sawit.

Pada masa sama, Najib menyeru pemilik tanah di kawasan terbabit agar menyertai penanaman secara berkelompok supaya kawasan mereka boleh diuruskan lebih baik dengan kaedah pengurusan estet.

Beliau turut mengingatkan semua peke-

bun kecil agar tidak menjadi ‘tauke besar’ sebaliknya perlu turut mengambil bahagian dalam setiap program pembangunan yang dilaksanakan oleh Risda.

“Ini bagi memastikan Risda mencapai sasaran induk dengan pekebun kecil memperoleh pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan,” ujarnya.